
KATA NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Dalam cerita-cerita zaman dahulu, Sang Kancil ialah seekor _____ yang pintar.
 - A orang
 - B haiwan
 - C makhluk
 - D ternakan

 - 2 Kebanyakan penduduk di Kampung Merbau bersawah _____.
 - A kelapa sawit
 - B bunga
 - C getah
 - D padi

 - 3 Banyak makan _____ bererti banyak pengalaman hidup.
 - A hati
 - B ubat
 - C gula
 - D garam

 - 4 _____ ialah hasil kraf tangan Malaysia yang diminati oleh para pelancong.
 - A Batik
 - B Dodol
 - C Gamelan
 - D Tarian Inang

 - 5 _____ Puan Suziana yang kemas dan cantik itu menarik perhatian saya.
 - A Nyanyian
 - B Masakan
 - C Pakaian
 - D Tarian
-
-

-
-
- 6 _____ itu terlalu kacak jika dibandingkan dengan adik-beradikanya yang lain.
- A Gadis
 - B Wanita
 - C Pemudi
 - D Pemuda
- 7 Pakaianya yang celorong-celoreng itu menampakkan dia seorang _____.
- A doktor
 - B perwira
 - C mekanik
 - D pemandu
- 8 Mereka selalunya bermesyuarat di _____.
- A bilik gerakan
 - B bilik bacaan
 - C bilik stor
 - D bilik air
- 9 Sebahagian _____ tingkap rumah Nenek Mah telah reput.
- A sumpah-sumpah
 - B angkut-angkut
 - C kisi-kisi
 - D api-api
- 10 Mak Leha sedang menuang air ke dalam _____ itu.
- A labu-labu
 - B kisi-kisi
 - C dekak-dekak
 - D kuda-kuda
- 11 _____ cemerlang itu terpilih untuk menyambung pelajaran ke Jepun.
- A Budak-budak
 - B Kanak-kanak
 - C Lelaki-lelaki
 - D Pelajar-pelajar
-
-

-
-
- 12 _____ di lembah itu sangat sesuai untuk tanaman padi.
- A Batu-batan
 - B Tanah-tanah
 - C Bukit-bukau
 - D Kayu-kayan
- 13 Meja kayu jati yang antik itu diletakkan di _____ ruang tamu.
- A dalam
 - B bawah
 - C tengah
 - D atas
- 14 _____ yang telah busuk itu dibuang ke dalam tong sampah.
- A Buah-buah
 - B Buku-buku
 - C Bekas-bekas
 - D Barang-barang
- 15 Setiap petang, adik Lela bermain buaian dengan kawan-kawannya di _____ pokok rambutan.
- A tepi
 - B atas
 - C bawah
 - D belakang
- 16 Cikgu Rozita merupakan bekas _____ di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka.
- A murid
 - B pelatih
 - C pelajar
 - D mahasiswa
- 17 _____ kelapa yang sudah berkaparan di tepi pantai itu.
- A Daun
 - B Batang
 - C Pelepah
 - D Mayang
-
-

-
-
- 18 Posmen itu menyerahkan sepucuk _____ kepada Pak Cik Kassim.
- A poskad
 - B majalah
 - C surat khabar
 - D surat berdaftar
- 19 Pak Meon menghalau sekumpulan _____ yang masuk ke dalam kebunnya.
- A Arnab
 - B Kucing
 - C kambing
 - D kura-kura
- 20 Encik Salleh berasa bangga apabila memandu kereta Ptoton buatan _____.
- A Malaysia
 - B Korea
 - C Jepun
 - D China
- 21 Pada hari _____ yang lalu, Farid dan abangnya menunaikan solat di Masjid al-Falah di kampung mereka.
- A Isnin
 - B Rabu
 - C Ahad
 - D Jumaat
- 22 Orang ramai berkumpul di _____ itu untuk mendengar ceramah keibubapaan yang disampaikan oleh Dato' Dr. Fadzillah Kamsah.
- A kedai
 - B rumah
 - C dewan
 - D masjid
-
-

-
-
- 23 Kaum _____ diingatkan supaya tidak terpedaya dengan jualan murah sewaktu berbelanja.
- A gadis
 - B isteri
 - C betina
 - D wanita
- 24 Pembinaan tukun tiruan di perairan negara ini telah berjaya menambahkan hasil tangkapan _____.
- A pesawah
 - B penoreh
 - C nelayan
 - D petani
- 25 Kita sebagai _____ Malaysia hendaklah menghormati undang-undang negara.
- A pelancong
 - B pendatang
 - C rakyat
 - D murid
- 26 Sofea dihadihi ayahnya sebuah _____ kerana mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR tahun lalu.
- A motosikal
 - B basikal
 - C kereta
 - D beca
- 27 Berbagai-bagai kemudahan disediakan oleh kerajaan untuk menjadikan Lata Ulu Kenas sebagai pusat _____.
- A perkhemahan
 - B pelancongan
 - C petempatan
 - D perkampungan
-
-

-
-
- 28 Walaupun Suraya dan Tania bukan adik-beradik tetapi _____ sangat rapat seperti isi dengan kuku.
- A dia
 - B kita
 - C kami
 - D mereka
- 29 Kemalangan yang berlaku di bawah _____ itu menyebabkan kesesakan lalu lintas.
- A jejantas
 - B jambatan
 - C lapangan
 - D bangunan
- 30 Haziq merupakan satu-satunya _____ yang berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A dekan
 - B pelajar
 - C profesor
 - D pensyarah
- 31 Ketibaan tetamu kehormat di majlis itu telah diumumkan oleh _____ dengan suara yang lantang.
- A juruulas
 - B juruacara
 - C jurucakap
 - D juruhebah
- 32 Penduduk Kampung Sira bergotong-royong membaiki _____ yang rosak itu.
- A jambatan
 - B jejambat
 - C jejantas
 - D jejari
-
-

-
-
- 33 Tiang telefon di hadapan rumah Elena condong akibat dipukul _____ semalam.
- A ribut
 - B hujan
 - C angin
 - D panas
- 34 Puan Rosnah dikejarkan ke _____ kerana darah di kakinya tidak berhenti mengalir.
- A pasar
 - B pejabat
 - C hospital
 - D bengkel
- 35 _____ itu tersenyum manis sambil menghidangkan minuman kepada penumpang.
- A Seniwati
 - B Pramugari
 - C Pramugara
 - D Peragawati
- 36 Mahasiswa dan mahasiswi di _____ diingatkan supaya menumpukan perhatian semasa mengikuti kuliah.
- A universiti
 - B sekolah
 - C tadika
 - D kolej
- 37 Kuiz itu diadakan untuk menguji kecekapan _____ dalam mata pelajaran Matematik.
- A ibu
 - B adik
 - C kakak
 - D pelajar
-
-

-
-
- 38 _____ yang dijual di kedai Kak Som itu segar-segar belaka kerana baru dipetik.
- A Kuih
 - B Lauk
 - C Sayur
 - D Barang
- 39 _____ polis itu sedang menyampaikan taklimat tentang kes rompakan kedai emas yang berlaku di Kedai Emas Fung Keong kepada pihak media.
- A Juruacara
 - B Jurucakap
 - C Juruhebah
 - D Jurumaklum
- 40 Penyokong-penyokong pasukan bola sepak Perak melonjak _____ apabila Khalid Jamlus menjaringkan gol kemenangan.
- A lompatan
 - B kemeriahan
 - C kesenangan
 - D kegembiraan
- 41 Semua penyertaan pertandingan Bercerita Bahasa Malaysia hendaklah menggunakan _____ rasmi.
- A surat
 - B kertas
 - C borang
 - D lembaran kerja
- 42 Pada zaman dahulu, raja dengan permaisurinya yang sangat jelita akan tinggal di sebuah _____ yang cantik.
- A singgahsana
 - B mahligai
 - C peterana
 - D takhta
-
-

-
-
- 43 Pengguna-pengguna jalan raya dinasihatkan supaya menjaga _____ diri semasa memandu di lebuh raya yang sedang dalam penyelenggaraan itu.
- A kesejahteraan
 - B kebahagiaan
 - C keselamatan
 - D kebaikan
- 44 _____ yang digantung itu bertujuan untuk menakut-nakutkan burung yang memakan padi di sawah itu.
- A Kuda-kuda
 - B Pagar-pagar
 - C Orang-orangan
 - D Siku-siku
- 45 Stesen KL Sentral dipenuhi oleh _____ manusia yang berebut-rebut hendak pulang ke kampung untuk merayakan Hari Raya Aidilfitri.
- A lautan
 - B ribuan
 - C barisan
 - D susunan
- 46 Encik Jafri sedang memasang sebuah _____ di bilik tidurnya kerana cuaca terlalu panas.
- A penghawa dingin
 - B pendingin hawa
 - C hawa pendingin
 - D hawa dingin
- 47 Jika kita ingin mendapatkan sebarang maklumat tentang sesuatu, rujuklah pegawai yang bertugas di _____ itu.
- A kaunter jawapan
 - B kaunter hadapan
 - C kaunter maklumat
 - D kaunter pertanyaan
-
-